

# PM hadiri sidang kemuncak CHOGM

PUTRAJAYA 24 Okt. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menghadiri semua mesyuarat dan sidang kemuncak antarabangsa yang dijadualkan berlangsung bulan depan termasuk Mesyuarat Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Valetta, Malta pada 25 hingga 27 November ini.

Menurut Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, meskipun Perdana Menteri baru kehilangan isteri, Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood pada 20 Oktober lalu, beliau akan menghadiri semua siang kemuncak dan mesyuarat antarabangsa.

Katanya, dua sidang kemuncak lain yang akan dihadiri oleh Perdana Menteri ialah Dialog Antarabangsa Selatan-Afrika (SAID) di Lesotho dan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Busan, Korea Selatan.

"Perdana Menteri mahu meneruskan kerja-kerja beliau. Saya melihat dia menghadapi keadaan tersebut dengan baik, dengan ketabahan dan kekuatan dalaman yang tinggi.

"Pada 12 Disember pula Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 dan Perdana Menteri akan merasmikan sejajar dengan kedudukan Malaysia sebagai pengerusi," katanya kepada pemberita selepas melancarkan laman web Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 di Wisma Putra di sini hari ini.

Dialog Perkongsian Pintar Global 2005 akan diadakan dari 9 hingga 12 November di Lesotho manakala Sidang Kemuncak APEC di Busan akan berlangsung dari 25 hingga 27 Oktober.

Malaysia juga akan menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak Asia Timur yang pertama pada 14 Disember.

Sidang Kemuncak ASEAN dan Sidang Kemuncak Asia Timur akan berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Syed Hamid berkata, kehadiran Perdana Menteri bererti negara-negara dunia terus memberi kepercayaan kepada Malaysia untuk menjadi penggerak dalam pelbagai aspek di peringkat antarabangsa.

katanya, ini ditambah dengan kedudukan Malaysia sebagai Pengerusi Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

"Malaysia sebagai model sebuah negara Islam yang maju dan bersedia menjalinkan hubungan dengan semua negara serta kejayaan yang diraih dalam bidang ekonomi dan politik antarabangsa sangat menyakinkan.

"Sebab itu Malaysia diperlukan di semua sidang kemuncak tersebut," tambah beliau.